

TARIKH : 7 SEPTEMBER 2022
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5

Kajian pembinaan LPT3 lengkap

Kementerian Kerja Raya kini tunggu kelulusan EPU terutama peruntukan


Kajian pembinaan LPT3 lengkap

PETALING JAYA – Kementerian Kerja Raya (KKR) memaklumkan kajian berkaitan pembinaan Lebuhraya Pantai Timur 3 (LPT3) telah lengkap dan sudah dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri.

Menteri Kanannya, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, pihaknya kini sedang menunggu tindakan selanjutnya daripada agensi berkenaan dan EPU sama ada perbelanjaan LPT3 akan dipeperuntukan dalam Rolling Plan Pertama Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) atau seterusnya.

Bagaimanapun, Fadillah berkata, projek berkenaan juga bergantung kepada kemampuan kewangan kerajaan dan mengambil kira keutamaan projek yang dikemukakan oleh setiap negeri.

"Tanggungjawab kita (KKR) adalah membuat kajian. Sekarang kita tunggu apa hala tuju ba-



PEMBINAAN LPT3 sejauh 150 kilometer bermula dari Gemuruh, Terengganu ke Tumpat, Kelantan bakal memberi keselesaan kepada pengguna lebuhraya di Pantai Timur. – GAMBAR HIASAN

haru dari segi peruntukan.

"Setelah kita dapat hala tuju, barulah kita akan tahu bila ia akan dilaksanakan," katanya.

Beliau berkata kepada pemberita selepas majlis prapelan-caran Persidangan dan Pameran Jalan Malaysia (MRC) ke-11 serta Kongres Persekutuan Jalan Antarabangsa (IRF) Wilayah Asia-Pasifik Ke-4 di sini semalam. Terdahulu, kerajaan sebelum ini telah meluluskan pelaksanaan pembinaan LPT3 dengan kos kerja-kerja awalan keseluruhan berjumlah RM35 juta.

Cadangan pembinaan LPT3 melibatkan jarak 150 kilometer bermula dari Gemuruh, Terengganu ke Tumpat, Kelantan.

Mengulas mengenai isu kekurangan tenaga kerja bagi bidang pembinaan, Fadillah berkata, masalah tersebut berkurangan susulan kemasukan semula pekerja asing ke negara ini sejak bulan lalu.